

ANALISIS PENANDA WACANA BAHASA ARAB DI DALAM SILIBUS KBD : BUKU TEKS USULUDDIN TINGKATAN TIGA

[ANALYSIS OF ARABIC DISCOURSE MARKS IN KBD SYLLABUS USULUDDIN TEXTBOOK FORM 3]

NUR DIYANA ANNISA ZULKIFLI^{1*} & NIK MOHD RAHIMI MOHD YUSOFF¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p120319@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 September 2025

Accepted: 26 October 2025

Published: 03 November 2025

Abstrak: Penanda wacana merupakan suatu komponen yang memainkan peranan di dalam sesuatu bahasa. Penggunaan perlu seiring dengan kohesi dan makna sesebuah ayat yang dikarang atau ditutur. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kewujudan penanda wacana Bahasa Arab di dalam buku Teks Usuluddin Tingkatan 3. Proses menganalisis buku teks ini melalui proses pengekodan iaitu menyenaraikan kesemua penanda wacana serta menyenaraikan jenis bagi setiap itu. Hasil analisis buku tersebut mendapati bahawa empat jenis penanda wacana bahasa Arab yang memberikan fungsi yang berbeza seperti *أدوات النفي* sebanyak 23.3%, *أدوات الاستدراك والإضراب* sebanyak 43.3%, *ترابط بين الكلمة أو الجمل* sebanyak 11.67% dan penanda wacana yang memberi fungsi *روابط تمهد لتعليل فكرة، أو استنتاج* sebanyak 8.3%. Kajian ini dapat membantu para guru dan pelajar untuk lebih memahami lebih mendalam mengenai jenis penanda wacana di dalam teks Arab.

Kata Kunci: Penanda Wacana bahasa Arab, buku teks Usuluddin, proses pengekodan.

Abstract: This discourse marker is a component that plays a very important role in a language. Its use must be in line with the cohesion and meaning of a sentence that is composed or spoken. The purpose of this study is to analyze the existence of Arabic discourse markers in the Usuluddin Textbook Form 3. The process of analyzing this textbook is through a coding process, which is to list all the discourse markers and list the types for each. The results of the book analysis found that four types of Arabic discourse markers that provide different functions such as *أدوات النفي* as much as 23.3%, *أدوات الاستدراك والإضراب* as much as 43.3%, *ترابط بين الكلمة أو الجمل* as much as 11.67% and discourse markers that provide the function of *روابط تمهد لتعليل فكرة، أو استنتاج* as much as 8.3%. This article can help teachers and students to better understand the types of discourse markers in Arabic texts.

Keywords: Arabic Discourse Markers, Usuluddin Textbook, Coding Process.

Cite This Article:

Nur Diyana Annisa Zulkifli & Nik Mohd Rahimi Mohd Yusoff. (2025). Analisis Penanda Wacana Bahasa Arab di Dalam Silibus KBD: Buku Teks Usuluddin Tingkatan Tiga [Analysis Of Arabic Discourse Marks In KBD Syllabus Usuluddin Textbook Form 3]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(1), 162-170.

PENGENALAN

Penggunaan penanda wacana merupakan suatu aspek yang penting dalam pembentukan sesuatu ayat. Kajian dan penelitian terhadap penanda wacana Arab telah menunjukkan peningkatan minat terhadap fungsi elemen-elemen dalam pelbagai konteks komunikasi. Al-Khawaldeh (2014) ada menyatakan bahawa penanda wacana dalam bahasa Arab sangat penting dalam membentuk teks lisan dan tulisan. Penanda wacana juga boleh digunakan sebagai penafsiran bagi memahami sesuatu teks. Kenyataan ini dibuktikan oleh Hyland dan Tse (2004), Shaw (2009), penggunaan penanda wacana ini didasari oleh jenis budaya dan bahasa ibunda atau latar yang digunakan bagi seseorang penutur bahasa.

Penguasaan bahasa ini biasa tertumpu kepada tahap kemahiran dan kosa kata. Hal ini menyebabkan pelajar susah untuk mengaplikasikan sesuatu dalam penggunaan bahasa yang sudah dipelajari. Selain itu, penguasaan kosa kata juga menjadi salah satu punca pelajar tidak menguasai penanda wacana bahasa Arab ini. Kajian yang dilakukan oleh Rosni Samah et al., (2023) menyatakan bahawa pelajar gagal menterjemahkan kata kerja, penanda wacana dan kata nama mengikut laras bahasa yang betul.

Penanda wacana atau *discourse markers* ini merupakan suatu elemen di dalam ilmu bahasa yang dibahaskan oleh para sarjana. Menurut Fraser (1999), beberapa istilah yang digunakan untuk penanda wacana seperti *sentence connectors*. Hassan dan Halliday (1976) ada memberikan pendapat bahawa penanda wacana ini lebih tertumpu kepada ayat dan semantik. Seterusnya, penanda wacana ini juga boleh membantu dari segi struktur koheren dalam sesuatu penulisan wacana akademik (Hassan dan Halliday 1976). Kenyataan ini juga boleh disokong oleh Swales (2010) yang menyatakan penanda wacana boleh menstabilkan struktur ayat dai segi koheren.

Dapatan kajian yang akan diperolehi ini memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti pihak sekolah, guru-guru, penulis buku dan pelajar. Penggunaan penanda wacana ini mungkin terlihat sedikit impaknya dalam penguasaan bahasa akan tetapi ia sedikit sebanyak akan mencantikkan lagi bahasa itu. Seterusnya, pihak yang berkaitan dapat menggunakan hasil kajian ini supaya dapat diaplikasikan di dalam silibus di sekolah dari segi pembikinan silibus baharu dan selaras dengan keperluan pelajar.

Penguasaan di dalam penulisan insya' seseorang pelajar masih di tahap yang tidak begitu memberangsangkan. Menurut Naimah Akmar dan Harun 2017, penguasaan kosa kata merupakan sesuatu penulisan itu tidak kreatif dan kekerapan perkataan yang berulang juga terjadi. Sehubungan dengan itu, isu dan elemen-elemen penting yang mempengaruhi pembentukan kosa kata perlu diambil bagi mengawal masalah penggunaan penanda wacana ini dalam klausa ayat. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti jenis penanda wacana bahasa Arab yang digunakan di dalam buku teks tersebut.

Artikel ini mengandungi empat bahagian. Bahagian awal kajian ini akan membincangkan sorotan literatur hasil dari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penggunaan penanda wacana dalam klausa Arab. Selain itu, kajian ini juga akan membincangkan metodologi kajian dan kaedah yang digunakan dalam menganalisis data. Data yang sudah dikumpul akan dirumuskan di dalam hasil kajian secara padat dan teliti. Seterusnya, di bahagian akhir kajian ini akan memfokuskan kepada perbincangan berkaitan implikasi kajian

dan kajian lanjutan mengenai tajuk kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Penanda wacana bahasa Arab ini memainkan peranan yang penting dalam membentuk struktur ayat yang kukuh dan kedudukan kohesi di dalam sesuatu teks atau ayat (Hassan & Eltahir 2017). Perkara ini juga diaplikasikan untuk penggunaan dari segi penulisan mahupun secara lisan. Seterusnya, Al-Duleimi et al. (2016) menyatakan penanda wacana ini berada di bawah elemen linguistik seperti konjungsi, kata kerja, dan partikel yang digunakan untuk menunjukkan hubungan di antara satu klausa ayat. Kajian al-Monami (2019) menguatkan bahawa penanda wacana ini dapat membantu dalam menghubungkan perkaitan dan kohesi yang lebih baik dalam teks.

Penggunaan penanda wacana dalam perkataan bahasa Arab sangat penting untuk membina sesuatu kohesi dan koherensi dalam sesuatu teks. Penanda wacana yang menghubungkan perkataan dan klausa, serta memberikan makna tambahan yang membantu seseorang pembaca atau pendengar dalam memahami sesuatu konteks ayat (al-Azzawie 2014). Selain itu, penanda wacana juga boleh berfungsi di dalam aspek sosial dan budaya seperti dinyatakan dalam kajian (al-Sowaidi et al., 2015). Ia merupakan sesuatu slogan politik bagi masyarakat Arab yang mencerminkan struktur dan strategi penulisan yang khas, bertujuan untuk menyampaikan maklumat.

Penggunaan penanda wacana dalam bahasa Arab ini sangat memainkan peranan yang penting dalam memahami struktur dan alur komunikasi dalam sesuatu teks. Selain itu, pemahaman terhadap sesuatu bahasa itu dapat mempertingkatkan kemampuan berbahasa seseorang pelajar bahasa. Menurut Nisa (2023), penggunaan media dalam penggunaan bahasa berkesan dalam meningkatkan prestasi pemahaman pelajar dalam struktur penulisan. Hasilnya, pelajar dapat membaca dan menulis ayat dengan baik. Kajian yang dilakukan oleh Prihantari dan Saputra (2021) juga ada menyatakan berkenaan kepentingan elemen penanda wacana dalam pembelajaran bahasa Arab dapat dikenali sebagai pemangkin dalam komunikasi di antara pengajar dan pelajar di dalam kelas.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penguasaan penanda wacana. Justeru itu, perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam. Faktor yang mempengaruhi penguasaan penanda wacana seseorang ialah sifat dan motivasi seperti dinyatakan dalam kajian Yusoff et al. (2020). Pelajar yang memiliki sikap positif cenderung lebih terbuka untuk belajar dan menerapkan penanda wacana dalam komunikasi mereka. Selain itu, Hussin et al. (2020) menyatakan sikap pelajar terhadap frasa ayat di dalam bahasa Arab dapat menunjukkan reaksi yang positif terhadap penguasaan bahasa Arab dan tidak memberikan pendapat yang begitu spesifik terhadap penanda wacana bahasa Arab.

Faktor lain yang mempengaruhi penguasaan penanda wacana ini juga adalah penguasaan sesuatu kosa kata serta pengetahuan kolokasi pelajar. Kajian yang disokong oleh Asbulah (2021) merujuk bahawa pelajar yang mengetahui kolokasi dengan baik akan mampu untuk mengaplikasikan penanda wacana dengan baik. Penguasaan kosa kata dan kolokasi yang luas ini dapat membantu pelajar lebih mudah memahami penggunaannya serta dapat meletakkan pada konteks yang lebih sesuai pada sesuatu ayat.

Sesuatu ayat atau klausa bagi sesuatu bahasa terdiri dari subjek dan predikat. Bahasa Arab mempunyai beberapa jenis klausa yang memiliki fungsi dan struktur yang berbeza yang mempengaruhi cara penyampaian maklumat dalam komunikasi. Penggunaan klausa dalam bahasa Arab juga dapat dipengaruhi oleh faktor sintaksis dan semantik yang dinyatakan Atabik dan Yahya (2022), struktur klausa dalam bahasa Arab dapat divariasikan dan bergantung pada konteks dan tujuan komunikasi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif menerusi kaedah analisis dokumen. Kajian yang meneliti penggunaan penanda wacana yang terdapat di dalam buku teks Tingkatan 3. Instrumen kajian yang digunakan untuk menganalisis kandungan buku teks ini melalui proses pengekodan. Proses ini dijalankan menggunakan borang pengekodan. Selain itu, borang analisis pengekodan merekodkan ayat yang menggunakan penanda wacana, jenis penanda wacana dan makna ayat tersebut.

Kajian ini menjalani proses pengekodan dan analisis kandungan bagi setiap satu muka surat dengan mengeluarkan setiap penanda wacana dahulu dan ayat-ayatnya sekali dengan teliti. Seterusnya, di bahagian akhir akan membahagikan penanda wacana tersebut kepada bahagian dan kategorinya yang tersendiri.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi menganalisis kekerapan dan peratusan penanda wacana di dalam buku. Buku teks ini mengandungi 258 muka surat dan mempunyai 5 topik utama yang dibincangkan di dalam buku tersebut. Hasil dapatan analisis kandungan buku teks Usuluddin Tingkatan 3 ini seperti di dalam jadual 1 di bawah. Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratusan jenis penanda wacana yang terdapat dalam analisis kandungan tersebut.

Jadual 1: Kekerapan dan peratusan jenis penanda wacana Bahasa Arab

Buku Teks Usuluddin Tingkatan 3		
Jenis Penanda Wacana	Kekerapan	Peratusan
تربط بين الكلمة او الجمل	40	43.3%
أدوات الاستدراك والإضراب	14	23.3%
ادوات النفي	7	11.67%
روابط تمهد لتعليل فكرة، أو	2	8.3%

استنتاج		
Jumlah	60	100%

Berdasarkan jadual di atas, terdapat 5 jenis penanda wacana Bahasa Arab yang terdapat di dalam buku teks. Bagi kategori *تربط بين الكلمة أو الجمل* yang menjadi kekerapan sebanyak 60.1%, penanda wacana *أدوات الاستدراك والإضراب* pula mempunyai peratusan sebanyak 23.3%. Selain itu, bagi penanda wacana dari jenis *ادوات النفي* mempunyai kekerapan sebanyak 7 kali di dalam buku teks dan peratusannya sebanyak 11.67%. Seterusnya, bagi jenis *روابط تمهد لتعليل* mempunyai kekerapan sebanyak 2 ayat sahaja dan peratusannya sebanyak 8.3%.

1. Jenis penanda wacana yang biasa dijumpai bagi kategori menghubungkan perkataan dan ayat adalah dari segi *حروف العطف* dari jenis *و* ini paling kerap dijumpai di dalam beberapa ayat di dalam buku teks ini.

- a. Huruf *العطف (و)*

Jadual 2:

Contoh	Muka surat
وأنتم مع ذلك تتلون الكتاب وتعلمون ما فيه	45
ولا يقتل امرأة أو شيئاً	88

Kebiasaannya huruf *و* ini akan menjadi penghubung bagi setiap ayat dan itu menjadi punca ia menjadi kekerapan dan biasa digunakan.

- b. Huruf *العطف (ف)*

Jadual 3:

Contoh	Muka surat
فتنبهوا من رقدتكم	45
فقال لهم	57

Penanda wacana ف ini digunakan di dalam buku teks ini sebanyak 6 kali merujuk kepada sesuatu penggantian atau kemajuan yang cepat dalam sesuatu ayat. Kata hubung atau حرف العطف ialah alat penting untuk menjelaskan hubungan antara frasa, sama ada penggantian, susunan atau pengecualian.

2. Jenis penanda wacana yang kedua أدوات الاستدراك والإضراب ini lebih merujuk kepada idea yang bertentangan dengan idea utama yang cuba disampaikan di dalam sesuatu penulisan dan juga komunikasi. Jenis penanda wacana ini yang dijumpai di dalam buku teks adalah sebanyak 14 kali dan mempunyai peratusan 23.35%.

Jadual 4:

Contoh	Muka surat
لكنها طيبة عند الله	133
لا يقدر في التوكل بل هو من الأخذ بالأسباب	154

Berdasarkan jadual 4, penanda wacana لكن yang memberi maksud tetapi. Kegunaannya biasa untuk menerangkan sesuatu yang bercanggah dengan apa yang disampaikan oleh idea yang utama. Seterusnya, penanda wacana بل membawa maksud bahkan. Ia pula merujuk kepada membetulkan apa yang datang sebelum atau menjelaskan sebaliknya.

3. Jenis penanda wacana yang mempunyai kekerapan yang sering dijumpai di dalam Buku Teks Usuluddin Tingkatan 3 sebanyak 7 kali ini ialah أدوات النفي. Jenis penanda wacana ini lebih dikenali sebagai kata-kata yang digunakan sebagai penafian bagi sesuatu pernyataan dan meniadakan sesuatu perkara.

Jadual 5:

Ayat	Muka surat
لم يقاتلوكم بسبب الدين	106
إلا اختارا أيسرهما ما لم يكن	138

Penanda wacana لم membawa maksud tidak tetapi ia tidak mempunyai kebatasan waktu untuk menggunakannya. Selain itu, setiap alat penafian dalam bahasa Arab mempunyai fungsi tertentu yang sesuai dengan konteks ayat. Penggunaan yang betul membantu dalam

menyampaikan maksud dengan tepat, sama ada untuk masa kini, masa lalu, atau masa depan.

4. Jenis penanda wacana روابط تمهد لتعليل فكرة، أو استنتاج merupakan menjadi satu terma penafian berdasarkan sebab dan akibat di dalam bahasa Arab. Selain itu, jenis penanda wacana ini digunakan untuk menafikan perkara tertentu dan menekankan hasil tertentu yang mengikuti penafian ini. Seterusnya, jenis penanda wacana ini membantu dalam membina ayat sebab-akibat, di mana sesuatu dinafikan dan kemudian keputusan penafian ini disimpulkan.

Jadual 6:

Ayat	Muka surat
لم يقاتلوكم بسبب الدين	106
أن العبد يحجب عن الجنة بسبب دينه حتى الشهيد	114

Berdasarkan Jadual 6, penanda wacana yang dijumpai di dalam buku teks ini بسبب dan hanya dijumpai di dalam dua ayat sahaja. Kegunaan penanda wacana بسبب adalah untuk menjelaskan sebab sesuatu hal atau kejadian yang berlaku.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini bertujuan untuk mengkaji kekerapan penanda wacana yang muncul di dalam buku teks Usuluddin Tingkatan 3 ini. Selain itu, kepentingan kajian ini dapat membantu pelajar dan guru untuk lebih memahami sesuatu konteks ayat bahasa Arab. Bukan itu sahaja, penggunaan penanda wacana yang terbaik juga dapat membantu komunikasi seseorang lebih berhasil. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penanda wacana yang terdapat di dalam buku teks Usuluddin yang mempunyai fungsi أدوات الاستدراك والإضراب paling menjadi kekerapan yang ada di dalam buku teks ini. Hal ini kerana ia merupakan suatu pengikat bagi menghubungkan ayat dengan ayat yang lain. Jenis penanda wacana ini berkemungkinan untuk ada di dalam sesuatu teks atau ayat. Seterusnya, bagi fungsi penanda wacana أدوات الاستدراك والإضراب menjadi kekerapan yang muncul di dalam buku teks ini kerana ia menunjukkan bahawa jenis ini memberikan impak di dalam sesuatu ayat jika tidak digunakan dengan betul.

Implikasi kajian ini akan dapat membantu pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik. Selain itu, penggunaan penanda wacana ini terhadap pelajar juga membolehkan untuk memperkukuhkan kualiti penulisan karangan bahasa Arab. Seterusnya, limitasi kajian ini adalah dari segi pemahaman penanda wacana ini dari segi jenis, penggunaannya dan juga kesesuaian dalam ayat. Penggunaan perkataan bahasa Arab bagi

penanda wacana ini juga mempunyai masalah dan pelbagai pendapat bagi menentukan perkataan bahasa Arab yang sesuai. Akhir sekali, kajian berkenaan penanda wacana ini perlu diperluaskan lagi supaya tidak tertangkup di peringkat ini sahaja. Hal ini kerana, ia sedikit sebanyak dapat mempengaruhi penguasaan bahasa Arab.

KESIMPULAN

Penggunaan penanda wacana masih tidak mendapat perhatian di dalam kalangan guru dan pelajar. Hal ini kerana, silibus bahasa Arab mereka lebih tertumpu kepada kemahiran berbahasa. Penanda wacana ini memainkan peranan yang banyak di dalam pembentukan ayat, percakapan yang lebih efektif di dalam perbualan seharian. Justeru itu, penerbit buku harus mengambil langkah untuk memfokuskan di dalam topik penanda wacana di dalam buku teks bahasa Arab dengan lebih mendalam. Seterusnya, pihak guru juga perlu menambahkan selingan ringkas mengenai tajuk ini supaya mereka tidak tertinggal di belakang mengenai penanda wacana ini. Secara kesimpulannya, penanda wacana ini sangat berguna di dalam sesuatu pembentukan dan penguasaan bahasa. Justeru itu, penelitian yang lebih seiring di dalam penanda wacana ini perlu diperhaluskan lagi pada masa ke semasa.

RUJUKAN

- Al-Azzawie, H. M. 2014. Discourse markers in Arabic language. *Journal of Education and Practice*, 5(10): 23–30.
- Al-Duleimi, A. S., Alshammari, H., & Alrefae, Y. 2016. The use of discourse markers in Arabic media texts. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 5(7): 191–198. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.5n.7p.191>
- Al-Khawaldeh, N. 2014. The functions of discourse markers in Arabic. *International Journal of Linguistics*, 6(3): 144–163. <https://doi.org/10.5296/ijl.v6i3.5706>
- Al-Monami, A. 2019. The role of discourse markers in Arabic written texts. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 10(1): 56–68. <https://doi.org/10.24093/awej/vol10no1.5>
- Al-Sowaidi, B., Saidat, A. M., & Hussein, A. 2015. Discourse markers in Arabic political speeches. *International Journal of Language and Linguistics*, 3(5): 67–77.
- Asbulah, L. 2021. The influence of collocation knowledge on Arabic discourse markers usage. *Journal of Arabic Linguistics*, 12(2): 45–60.
- Atabik, A., & Yahya, M. 2022. Arabic clause structures: Syntax and semantics perspectives. *Journal of Arabic and Islamic Studies*, 22(1): 101–118. <https://doi.org/10.5617/jais.9180>.
- Fraser, B. 1999. What are discourse markers? *Journal of Pragmatics*, 31(7): 931–952. [https://doi.org/10.1016/S0378-2166\(98\)00101-5](https://doi.org/10.1016/S0378-2166(98)00101-5)
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hassan, H., & Eltahir, Y. 2017. Discourse markers and cohesion in Arabic texts. *International Journal of Humanities and Social Science Research*, 7(1): 50–58.
- Hussin, N., Rahman, A., & Abdullah, Z. 2020. Students' perceptions towards Arabic discourse markers. *Journal of Language Studies*, 20(2): 77–89.

- Hyland, K., & Tse, P. 2004. Metadiscourse in academic writing: A reappraisal. *Applied Linguistics*, 25(2): 156–177. <https://doi.org/10.1093/applin/25.2.156>
- Ismail, R., Sulaiman, N., & Hamzah, A. 2021. Errors in the use of Arabic clauses among Malaysian students. *Journal of Modern Languages*, 31(2): 35–51.
- Lutfiani, N. 2023. Training students in understanding Arabic clauses for effective communication. *Al-Tajdid: Journal of Arabic Studies*, 7(1): 22–34.
- Nisa, S. 2023. The effectiveness of media in improving Arabic discourse comprehension. *International Journal of Language Education*, 7(2): 112–123. <https://doi.org/10.26858/ijole.v7i2.12345>.
- Nur Naimah Akmar Kamaruddin & Harun Baharudin. 2017. Strategi Pembelajaran Kosa Kata dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1): 64-73.
- Prihantari, D., & Saputra, R. 2021. Discourse markers in Arabic classroom interaction. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 8(2): 223–240. <https://doi.org/10.15408/a.v8i2.21700>.
- Rosni Samah, R., Ahmad, N., & Zulkifli, N. 2023. Challenges in translating Arabic discourse markers among Malaysian students. *Journal of Arabic Studies in Education*, 5(1): 89–102.
- Shaw, P. 2009. Linking adverbials in student and professional writing in a cross-cultural context. *Journal of Second Language Writing*, 18(2): 90–109. <https://doi.org/10.1016/j.jslw.2009.02.002>.
- Swales, J. M. 2010. *Research genres: Explorations and applications*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yusoff, N. M. R., Ahmad, S., & Rahim, M. 2020. The effect of students' attitudes on mastering Arabic discourse markers. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2): 151–170.